

**Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)**

*Office of Deputy Vice-Chancellor  
(Academic and International)*

**Universiti Teknologi MARA**  
Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
40450 SHAH ALAM, Selangor, MALAYSIA  
Tel: (+603) 5544 2002/ 2233  
Faks: (+603) 5544 3210  
<http://hea.uitm.edu.my>



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Rujukan Kami : 500-HEA (19 / 1)  
Tarikh : 09 Julai 2020

Semua Dekan Fakulti / Akademi / Pusat  
Universiti Teknologi MARA

YBhg. Datuk / Dato' / Prof. / Tuan / Puan

**PEMAKLUMAN PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)  
BERKENAAN:**

- i. PENANGGUHAN PEMANTAUAN PROFESIONALISME PENSYARAH (PRO-PENS) PADA SEMESTER II 2019 / 2020 DAN SEMESTER I 2020 / 2021; DAN
- ii. PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI TERHADAP AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH OLEH PENSYARAH UITM

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan kepada YBhg. Datuk / Dato' / Prof. / Tuan / Puan bahawa mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bil. 17 / 2020 bertarikh 10 Jun 2020 telah meluluskan penangguhan Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS) pada semester II 2019 / 2020 dan semester I 2020 / 2021. MEU juga meluluskan pelaksanaan penilaian kendiri terhadap aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) secara terbuka dan jarak jauh (*Open and Distance Learning* (ODL)) oleh pensyarah UiTM dalam tempoh tersebut.

3. Penangguhan ini bertujuan menggantikan pemantauan PRO-PENS dengan mengambil kira faktor:

- a. pelaksanaan ODL secara total yang masih baru di kalangan pensyarah;
- b. kesediaan pelajar terhadap PdPc dalam talian;
- c. capaian akses; dan
- d. keupayaan pensyarah memahirkan diri dengan teknologi baru.

4. Penilaian kendiri membolehkan seorang pensyarah secara individu mengukur dan membuat refleksi terhadap kekuatan dan kelemahan diri dalam tahap penguasaan sesuatu pengetahuan atau kemahiran penyampaian PdPc dan pentaksiran pembelajaran. Penilaian kendiri oleh pensyarah berupaya mengurangkan kebimbangan dan keresahan mereka terhadap pelaksanaan ODL serta memberi lebih kebebasan untuk pelajar meneroka platform dan kaedah penyampaian PdPc yang bersesuaian dengan kemudahan capaian akses pelajar bagi meningkatkan keterlibatan mereka tanpa menjaskan pencapaian hasil pembelajaran.

5. Sehubungan itu, para pensyarah (tetap / kontrak / sambilan / *Part Time Full Time* (PTFT)) perlu mengisi borang penilaian kendiri terhadap aktiviti PdPc yang dijalankan secara ODL bagi semester II 2019 / 2020 yang dibuka bermula 13 Julai 2020 sehingga 31 Ogos 2020 di pautan berikut:

<https://www.surveymonkey.com/r/tesaodluitm>




Rujukan Kami : 500-HEA (19 / 1)  
Tarikh : 09 Julai 2020

6. Pensyarah dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan dengan ikhlas dan jujur. Skor keseluruhan yang diperolehi perlu diambil kira bagi penambahbaikan PdPc masing-masing. Segala maklumat yang diperoleh adalah dianggap sulit dan terhad. YBhg. Datuk / Dato' / Prof. / tuan / puan bertanggungjawab menyelia proses pengisian borang penilaian kendiri dan memastikan ia dilaksanakan oleh semua pensyarah di jabatan masing-masing.

Kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Prof. / Tuan / Puan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



**PROF. TS. DR. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.: 1. Pengarah Pembangunan Akademik  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
2. Ketua Pengurusan Dasar dan Maklumat Akademik  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)



# AKADEMIK

U N I V E R S I T I   T E K N O L O G I   M A R A

Bilangan 14 Tahun 2020

## PEMAKLUMAN KERANGKA PENILAIAN PENGAJARAN HOLISTIK SERTA PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI OLEH PENSYARAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### TUJUAN

1. Pekeling ini bertujuan memaklumkan kepada semua pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkenaan penggunaan kerangka penilaian pengajaran holistik dan pelaksanaan penilaian kendiri terhadap aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bermula semester II 2019 / 2020 yang telah diluluskan pemakaianya oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 17/2020 bertarikh 10 Jun 2020.


### LATAR BELAKANG

2. Penilaian kendiri pensyarah adalah salah satu inisiatif tonggak kelima *Education 5.0 @ UiTM* iaitu *Inspiring Educators* yang melihat keberkesanan penyampaian PdPc pensyarah dan pentaksiran pembelajaran pelajar melalui kerangka yang lebih holistik dengan penilaian tiga (3) penjuru iaitu melalui penilaian oleh pelajar (*Student Feedback Online (SuFO)*), penilaian oleh rakan sekerja / *peers* (*Pemantauan Profesionalisme Pensyarah Online (PRO-PENS)*) dan penilaian kendiri. Faedah pelaksanaan penilaian kendiri adalah termasuk:

- a. membolehkan seorang pensyarah secara individu mengukur dan membuat refleksi terhadap kekuatan dan kekurangan diri dalam tahap penguasaan sesuatu pengetahuan atau kemahiran penyampaian PdPc dan pentaksiran pembelajaran; dan
- b. memberikan panduan dan keyakinan kepada pensyarah tentang peranan dan tanggungjawabnya untuk memajukan diri secara berterusan demi menjana kecemerlangan akademik universiti.

3. Penilaian pengajaran merupakan komponen penting untuk memastikan proses pengajaran di UiTM dilaksanakan sebaik mungkin bagi mencapai hasil pembelajaran serta memperkayakan pengalaman pembelajaran para pelajar.


4. Penilaian bersifat 360° yang melibatkan penilaian oleh pelajar, rakan sekerja, dan diri sendiri dijangka lebih berupaya memberi gambaran keseluruhan tentang amanah tugas yang dilaksanakan pensyarah. Komponen refleksi dalam penilaian kendiri, pemerhatian rakan sekerja serta pandangan pelanggan utama (pelajar) menghasilkan penilaian yang lebih holistik (rujuk Rajah 1).



Rajah 1: Kerangka Penilaian Pengajaran Holistik UiTM

5. Penilaian kendiri merupakan elemen ketiga yang dibina di dalam kerangka penilaian pengajaran UiTM selepas PRO-PENS dan SuFO:

- Instrumen penilaian kendiri yang dikenali sebagai Penilaian Kendiri Pengajaran Pensyarah atau *Teaching Evaluation Self-Assessment* (TESA) telah dibangunkan bersama oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dengan sekumpulan pensyarah daripada Fakulti Pendidikan bertujuan mengukur kemahiran kendiri / refleksi pensyarah terhadap keberkesanan PdPc dan profesionalisme masing-masing untuk meningkatkan hasil dan matlamat pembelajaran sesuatu kursus. Seorang pensyarah UiTM perlu mempunyai sifat profesional, berpengetahuan mengenai isi kandungan kursus, mempunyai pengetahuan, dan berkemahiran dalam PdPc serta penilaian hasil pembelajaran pelajar.
- Instrumen TESA bertujuan mengukur empat (4) konstruk utama seperti kurator pengetahuan, pengetahuan pedagogi, pemupukan nilai dan profesionalisme. Ilustrasi Rajah 2 adalah kerangka pembangunan instrumen TESA yang mempunyai empat konstruk utama berserta sub-konstruk masing-masing.



Rajah 2: Kerangka Pembangunan Instrumen TESA

- c. TESA yang telah sedia untuk diguna pakai mengandungi 45 soalan mewakili konstruk-konstruk yang diukur berpandukan deskripsi skor 1 sehingga 4 (Lampiran 1). Bagi mendapatkan skor keseluruhan penilaian kendiri, setiap skor konstruk akan didarabkan dengan skala Likert yang dipilih responden untuk menghasilkan skor keseluruhan dan akhirnya mengkategorikan pensyarah seperti:

Bil.	Kategori	Skor (%)
1.	Pemula / Novice	<=25
2.	Pembangun / Developing	26-50
3.	Mahir / Proficient	51-75
4.	Pakar / Expert	=>76

6. Kerangka ini dijangka akan mengubah perspektif warga akademik terhadap penilaian pengajaran di mana ianya lebih mengutamakan penambahbaikan dan tidak bersifat punitif.

7. Ketiga-tiga instrumen boleh diolah dan disesuaikan untuk penilaian dalam konteks yang lebih spesifik, contohnya pengajaran dalam talian, pengajaran pascasiswa dan sebagainya.

### **PELAKSANAAN TESA**

8. Penilaian TESA dilaksanakan dan dilaporkan seperti berikut:
- a. TESA akan dimuatnaik ke dalam talian bagi penilaian kendiri oleh semua pensyarah (tetap / kontrak / sambilan / (*Part Time Full Time (PTFT)*) terhadap PdPc yang dijalankan.
  - b. Semua pensyarah disarankan untuk menilai PdPc masing-masing menggunakan instrumen TESA pada pertengahan semester bermula Semester I 2020 / 2021.
  - c. Semua pensyarah akan mendapat skor TESA dan boleh menambahbaik PdPc masing-masing berdasarkan skor tersebut.
  - d. Laporan perlu disediakan di fakulti, kampus cawangan dan pusat akademik untuk dibentang dan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) / Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN) / Jawatankuasa Akademik Pusat Asasi (JAP) / Jawatankuasa Akademik iCEPS (JAI).
  - e. Pelaporan menyeluruh akan dibuat oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) berdasarkan data keseluruhan yang terkumpul di fakulti dan UiTM cawangan.
  - f. Laporan Penilaian Pengajaran iaitu SuFO, PRO-PENS, dan TESA akan dibentangkan dalam Mesyuarat Senat pada setiap akhir tahun sebagai pemakluman dan tindakan penambahbaikan oleh fakulti dan UiTM cawangan.

### **PELAKSANAAN TESA ODL**


9. Untuk semester II 2019 / 2020, penilaian kendiri pensyarah diukur menggunakan instrumen TESA ODL yang disesuaikan dengan PdPc yang telah dijalankan secara ODL.

**TARIKH DIKELUARKAN**

10. Pekeliling ini dikeluarkan pada 13 Julai 2020.

**TARIKH KUATKUASA**

11. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 13 Julai 2020.

  
**PROFESOR TS. DR. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)  
Tarikh : 13 Julai 2020

# Lampiran 1: Instrumen Teaching Evaluation Self-Assessment (TESA)

Bil.	Konstruk	Sub-Konstruk	Soalan	Skor			
				1	2	3	4
<b>Deskripsi Skor:</b>							
1	:	Saya tidak melakukan ini dalam PdP saya, atau penggunaan amalan ini tidak memberi kesan positif.					
2	:	Saya melakukan ini dalam PdP saya, tetapi kadang-kadang hanya melihat kesan positif.					
3	:	Saya melakukannya dengan baik dan melihat kesan positif yang konsisten.					
4	:	Saya melihat ini sebagai kekuatan saya; saya dapat menyesuaikannya agar sesuai dengan keperluan keadaan dan melihat hasil positif yang konsisten dan signifikan.					
1.	Kurator Pengetahuan	Kepakaran	Saya menunjukkan kemahiran subjek yang relevan semasa mengajar.				
2.			Saya mempunyai pengetahuan mendalam mengenai subjek saya.				
3.			Saya yakin pelajar saya telah mempelajari pengetahuan baru dengan baik dari pengajaran saya.				
4.		Kesesuaian	Saya mengaitkan pengajaran saya dengan contoh kehidupan sebenar.				
5.			Saya sentiasa mengemaskini pengetahuan saya.				
6.			Saya memasukkan dalam pengajaran saya pengetahuan / kemahiran / polisi terkini.				
7.		Perancangan PdP	Saya merancang pengajaran saya mengikut masa pembelajaran dan hasil pembelajaran pelajar sebelum pergi ke kelas.				
8.			Saya mengemukakan gambaran keseluruhan (objektif, hasil, dan lain-lain) berkaitan pelajaran semasa dan kandungan kursus.				
9.			Saya mengaitkan pelajaran dengan pelajaran sebelumnya / akan datang.				
10.			Saya mengaitkan topik semasa dengan konsep yang biasa dan contoh kehidupan sebenar.				
11.			Saya mengaitkan pelajaran dengan pengetahuan pelajar sebelum ini.				
12.		Pelaksanaan PdP	Saya membuat aktiviti pembelajaran yang membolehkan pelajar mengintegrasikan pengetahuan / kemahiran / latihan.				
13.			Saya mencabar minda pelajar.				
14.			Saya menyampaikan kandungan dengan cara yang menarik.				
15.			Saya mendorong pelajar untuk berinteraksi dengan hormat.				
16.		Kemahiran Penyampaian	Saya mengemukakan soalan secara berkala untuk mengukur pemahaman pelajar.				
17.			Saya menjawab pertanyaan (kekeliruan, masalah, kesukaran menyelesaikan tugas, dan lain-lain) yang diajukan semasa pengajaran.				
18.			Saya memastikan pelajar terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.				
19.		Pengurusan Kuliah	Saya memberi perhatian kepada semua pelajar.				
20.			Saya menerangkan kaedah penilaian kursus.				
21.			Saya mengamalkan sikap adil dalam memberikan markah.				
22.			Saya menilai pelajar mengikut rubrik yang ditentukan.				
23.		Pentaksiran Pembelajaran	Saya menjalankan penilaian formatif untuk memantau pembelajaran pelajar.				
24.			Saya memberikan maklum balas tepat pada masanya.				
25.	Pemupukan Nilai	Piawaian Betul & Salah	Saya mendorong pelajar untuk beretika dalam kehidupan.				
26.			Saya menunjukkan kepada pelajar bagaimana memikirkan konsep atau proses yang harus dilakukan untuk meningkatkan pemahaman.				
27.			Saya mananamkan sikap bertanggungjawab dalam diri pelajar.				
28.			Saya menggalakkan pelajar berfikir tentang apa yang mereka fikirkan semasa mereka belajar.				
29.		Pandangan Positif	Saya mendorong pelajar untuk berkongsi pemikiran dan idea mereka, bertanya dan membincangkan penyelesaian.				
30.			Saya memberi inspirasi kepada pelajar.				
31.			Saya berkongsi dengan pelajar nilai positif dan pandangan dalam kehidupan.				

## Lampiran 1: Instrumen Teaching Evaluation Self-Assessment (TESA)

Bil.	Konstruk	Sub-Konstruk	Soalan	Skor			
				1	2	3	4
<b>Deskripsi Skor:</b>							
1	:	Saya tidak melakukan ini dalam PdPc saya, atau penggunaan amalan ini tidak memberi kesan positif.					
2	:	Saya melakukan ini dalam PdPc saya, tetapi kadang-kadang hanya melihat kesan positif.					
3	:	Saya melakukannya dengan baik dan melihat kesan positif yang konsisten.					
4	:	Saya melihat ini sebagai kekuatan saya; saya dapat menyesuaikannya agar sesuai dengan keperluan keadaan dan melihat hasil positif yang konsisten dan signifikan.					
32.			Saya berusaha untuk memupuk pelajar menjadi pemikir progresif yang suka dan terus belajar.				
33.			Saya melakukan aktiviti untuk pelajar bekerjasama bagi mencapai matlamat.				
34.		Kualiti & Kelakuan	Saya menjadi model dan memperkuatkkan disiplin diri dan tanggungjawab.				
35.			Saya mempunyai sikap positif (komited, berdedikasi dan bersemangat) terhadap pengajaran dan pembelajaran.				
36.			Saya menghormati pelajar dan rakan sekerta.				
37.			Saya sentiasa bersedia memberikan bimbingan akademik kepada pelajar.				
38.			Saya memenuhi tugas yang diharapkan dari saya.				
39.			Saya berusaha untuk mengekalkan hubungan produktif dengan rakan sekerta.				
40.		Kerjasama	Saya bekerja dengan baik bersama orang lain.				
41.			Saya bersemangat menjadi ahli akademik.				
42.			Saya komited dalam profesion saya sebagai seorang akademik.				
43.			Saya bertanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan profesional saya.				
44.			Saya berusaha untuk cemerlang dalam pengajaran dan kerjaya saya.				
45.		Pembangunan Profesional	Saya merenung pengajaran dan amalan saya untuk menilai diri.				

**Nota:** Instrumen TESA telah diuji rintis di kalangan pentadbir akademik fakulti dan UiTM cawangan bermula awal Februari 2020 sehingga akhir Mac 2020.